KEPUTERAAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH

DI ISTANA BANDAR, TEMASHA

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah diputerakan pada 8 Mac 1926 di Istana Bandar, Temasha. Baginda merupakan putera sulung kepada Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah Bersama Tengku Ampuan Jemaah binti Raja Ahmad. Ditabalkan menjadi Sultan Selangor yang ke-8 pada 3 September 1960 dan dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia XI pada 23 September 1999 sehingga 21 November 2001. Baginda sempat bersemayam di Istana Bandar sehingga tahun 1936 apabila baginda melanjutkan pelajaran ke Malay Colege Kuala Kangsar MCKK.

Baginda berkahwin dengan sepupu baginda iaitu, Raja Nor Saidatul Ihsan binti Al-Marhum Tengku Badar Shah dan dikurniakan tiga putera dan empat puteri iaitu Tengku Idris Shah (Sultan Selangor terkini), Tengku Puteri Sofiah, Tengku Sulaiman Shah (Tengku Laksamana Selangor), Tengku Puteri Zahariah, Tengku Abdul Samad Shah (Tengku Panglima Besar Selangor), Tengku Puteri Arafiah dan Tengku Puteri Aishah.



Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor

www.padat.gov.my PadatSelangor PADAT TV

KEPUTERAAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH

DI ISTANA BANDAR, TEMASHA

Bersama isteri kedua, Cik Mahiran, baginda dikurniakan seorang putera, Tengku Ahmad Shah (Tengku Panglima Raja Selangor) manakala dengan isteri ketiga, Tengku Ampuan Rahimah, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dikurniakan dua puteri iaitu Tengku Puteri Nor Marina dan Tengku Puteri Nor Zehan. Pada 3 Mei 1990 baginda berkahwin dengan Tuanku Siti Aishah binti Abdul Rahman yang kemudian bergelar Cik Puan Besar Selangor. Mereka tidak dikurniakan sebarang cahaya mata.

Baginda mangkat pada 21 November 2001 (bersamaan 5 Ramadan 1422) di Pusat Perubatan Gleneagles Intan, Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada usia 75 tahun dan Raja Muda Selangor Ketika itu, Tengku Idris Shah ditabal sebagai Sultan Selangor yang ke-9 dengan gelaran DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

